

CNS6145

R GB 15-01 00141 BA156

Bah

Daim - Berhenti

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Paduka Daim Zainuddin hari ini berkata beliau juga berhasrat meletakkan jawatan sebagai Bendahari UMNO di samping sebagai Menteri Kewangan.

Bagaimanapun katanya sehingga ini beliau hanya mengemukakan hasratnya untuk meletakkan jawatan Menteri Kewangan, kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kalau boleh saya hendak bersara daripada semua jawatan kecuali sebagai anggota Parlimen (kawasan Merbok di Kedah),+ kata Datuk Paduka Daim kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat keenam Jawatankuasa Penasihat Institut Bank-bank Simpanan Antarabangsa di sini.

Beliau berkata satu daripada sebab beliau mahu meletakkan jawatan-jawatan itu ialah +sudah terlalu lama bekerja+ di samping janjinya dengan Perdana Menteri untuk berkhidmat sehingga keadaan ekonomi negara dipulihkan.

+Saya sudah berpuas hati dengan sumbangan saya terhadap perkembangan ekonomi negara setakat ini,+ tambahnya. -- Lagi.

♥15/01/12-10MST

CNS6185

R GB 15-01 00159 BA158

Bah

Daim - Berhenti 2 Kuala Lumpur

Datuk Paduka Daim merupakan seorang tokoh korporat sebelum menyertai kabinet sebagai Menteri Kewangan pada 14 Julai 1984. Hasratnya untuk meletakkan jawatan dalam kerajaan hangat diperkatakan sejak minggu lepas dan mendapat liputan akhbar yang meluas.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau menarik balik hasratnya untuk bersara sebagai Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim berkata beliau akan menimbangkannya setelah mendengar pandangan Datuk Seri Dr Mahathir.

+Bagaimanapun saya belum ada janji temu dengan Perdana Menteri,+ katanya ketika ditanya bila beliau akan berjumpa dengan Datuk Seri Dr Mahathir untuk membincangkan hasrat beliau meletakkan jawatan kabinet itu.

Mengenai hasratnya untuk meletakkan jawatan dalam parti, Datuk Paduka Daim berkata keputusan mengenai perkara itu terserah kepada Datuk Seri Dr Mahathir selaku Presiden UMNO.

Ketika ditanya sama ada mesyuarat Kabinet esok akan menjadi mesyuarat yang terakhir baginya, secara berseloroh beliau berkata; +Saya tidaklah tergesa-gesa untuk keluar (dari kerajaan).+ -- Lagi.

♥15/01/13-24MST

CNS6186

R GB 15-01 00105 BA159

Bah

Daim - Berhenti 3 Kuala Lumpur

Datuk Paduka Daim sekali berseloroh semasa ditanya mengenai rancangan masa depannya jika beliau jadi meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan dengan berkata; +Saya hanya mahu tidur.+

+Sudah agak lama saya tidak tidur...+ katanya, sambil menambah bahawa bekerja untuk menyediakan dan menyiapkan tujuh belanjawan negara bukanlah suatu perkara yang mudah.

Secara berseloroh juga Datuk Paduka Daim berkata beliau tidak berhasrat mengatasi rekod menyediakan lapan belanjawan negara oleh bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau juga menolak desas desus beliau akan dilantik menjadi Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB). -- Bernama.

♥15/01/13-24MST